

# Jalil Mansoor dapat anugerah penyelidikan



**DORONGAN DALAMAN:** Profesor Mansoor menghargai Anugerah Penyelidik Muda pemberian NUS tetapi minat terhadap penyelidikan yang dijalankannya adalah pendorong sejatinya. – Foto **KHALID BABA**

Oleh **LINILIDIA ABDUL HAMID**  
*lini@sph.com.sg*

MINAT menghasilkan teknologi yang dapat dimanfaatkan dalam kehidupan harian mendorong Profesor Madya Mansoor Abdul Jalil membuat penyelidikan dan menghasilkan teori-teori tentang putaran dan caj elektron.

Hasil penyelidikannya itu, diserahkan di Jabatan Elektrikal dan Kejuruteraan Komputer di Fakulti Kejuruteraan Universiti Nasional Singapura (NUS) itu mendapat Anugerah Penyelidik Muda daripada universiti tersebut.

Beliau, 38 tahun, menerima anugerah dalam kategori penyelidikan bawah 40 tahun dalam majlis Anugerah Universiti NUS 2009 semalam.

“Saya rasa gembira dapat pengiktirafan ini. Namun minat saya yang mendalam terhadap subjek penyelidikan saya sudah cukup untuk mendorong saya meneruskan penyelidikan ini dengan gigih,” ujar Profesor Mansoor, penerima pertama Anugerah Jauhari *Berita Harian* pada 1999.

Penyelidikan beliau berkaitan dengan penyimpanan data dalam alat seperti kad memori dan pemacu cakera keras. Profesor Mansoor mula membuat penyelidikan tentang cas elektron tunggal bagi ijazah kedoktorannya pada 1995.

Namun, ia kini bertukar arah kepada menggunakan putaran elektron untuk menyimpan data.

Teori-teori yang beliau hasilkan tentang caj dan putaran elektron akan digunakan oleh kumpulan yang melakukan uji kaji saintifik sebagai asas eksperimen mereka.

Ini termasuk kumpulan di NUS, Institut Nasional Piawai dan Teknologi di Amerika Syarikat dan Universiti Cambridge.

Menurut beliau, teori-teori itu mungkin membawa kepada penghasilan prototaip alat menyimpan data lebih kecil, stabil dan lebih jimat tenaga.

“Apabila melihat hasil penyelidikan saya digunakan secara praktikal, ia menyemarakkan lagi minat saya,” ujar Profesor Mansoor, yang belum berumah tangga.